

WATAK WIRAWATI UNGGUL DALAM FILEM MELAYU: KAJIAN KES *TSU FEH SOFIAH* (1986), *FENOMENA* (1990), DAN *PEREMPUAN MELAYU TERAKHIR* (1999)

NUR NAFISHAH BINTI AZMI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2015

WATAK WIRAWATI UNGGUL DALAM FILEM MELAYU: KAJIAN KES *TSU FEH SOFIAH* (1986), *FENOMENA* (1990), DAN *PEREMPUAN MELAYU TERAKHIR* (1999)

oleh

NUR NAFISHAH BINTI AZMI

P-KOM 0005/10

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

FEBRUARI 2015

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

2015

NUR NAFISHAH BINTI AZMI

P-KOM 0005/10

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah yang telah memberikan ilmu dan ilham kepada saya melalui bimbingan RasulNya, tesis sarjana penyelidikan ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Jutaan terima kasih saya kepada penyelia utama, iaitu Profesor Madya Dr. Rohani Hashim dan penyelia bersama dan Profesor Madya Dr. Rahimah A. Hamid yang telah membantu dari awal hingga ke akhir penyelidikan ini dengan memberikan galakan, tunjuk ajar, pertolongan, motivasi, sokongan, pendapat, kritikan, dan nasihat yang berguna sepanjang penyelidikan ini.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada suami, Muazzam Syah bin Ismail, ibu, Salasiah binti Mat Seri, dan bapa, Azmi bin Zakaria, serta seluruh anggota keluarga yang sentiasa memberikan sokongan moral, doa, dan semangat yang tidak berbelah bahagi untuk menamatkan pengajian di peringkat sarjana penyelidikan ini.

Akhir sekali, penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA dan Kementerian Pengajian Tinggi kerana menampung segala yuran dan keperluan sepanjang pengajian saya di Universiti Sains Malaysia sehingga terjilidnya tesis ini.

NUR NAFISHAH BINTI AZMI

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vi
Senarai Gambar	vii
Senarai Rajah	viii
Abstrak	ix
Abstract	x

BAB 1 - PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Objektif Kajian	10
1.4	Persoalan Kajian	11
1.5	Pernyataan Masalah	11

BAB 2 – KAJIAN KESUSASTERAAN

2.1	Pengenalan Kajian Kesusasteraan	16
2.2	Latar Belakang Rahim Razali	16
2.3	Sinopsis filem <i>Tsu Feh Sofiah</i> (1986) arahan Rahim Razali	19
2.4	Latar Belakang Aziz M. Osman	21
2.5	Sinopsis filem <i>Fenomena</i> (1990) arahan Aziz M. Osman	23
2.6	Latar Belakang Erma Fatima	25
2.7	Sinopsis filem <i>Perempuan Melayu Terakhir</i> (1999) arahan Erma Fatima	26
2.8	Kajian-kajian Lepas	28

BAB 3 - METODOLOGI DAN TEORI KAJIAN

3.1	Pengenalan Metodologi dan Teori Kajian	41
3.1.1	Pemilihan filem	42
	Perkembangan agama Islam	43

Perkembangan dakwah	45
Perkembangan kaum wanita	49
Pemilihan karakter	54
3.1.2 Kaedah Pengumpulan Data	55
3.1.3 Analisis Tekstual	56
3.1.4 Penggunaan Borang Kodan	56
3.2 Konsep dan Teori Wirawati	61
BAB 4 – HASIL ANALISIS	
4.1 Pengenalan	80
4.2 Wirawati mualaf dalam filem <i>Tsu Feh Sofiah</i> (1986)	81
4.2.1 Pengenalan	81
4.2.2 Analisis Watak Tsu Feh	84
4.2.3 Rumusan	108
4.3 Wirawati Eropah dalam filem <i>Fenomena</i> (1990)	111
4.3.1 Pengenalan	111
4.3.2 Analisis watak Isabella	112
4.3.3 Rumusan	133
4.4 Wirawati Melayu dalam <i>Perempuan Melayu Terakhir</i> (1999)	136
4.4.1 Pengenalan	136
4.4.2 Analisis watak Mustika	138
4.4.3 Rumusan	155
BAB 5 - KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	157
5.2 Rumusan	157
5.3 Limitasi Kajian	164
5.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan	166

Bibliografi	157
Lampiran	179
Senarai Penerbitan	186

SENARAI JADUAL

		Muka Surat
Jadual 3.1	Perbandingan watak wirawati dalam tiga buah filem	54
Jadual 3.2	Contoh Borang Kodan	59
Jadual 3.3	Teori Vladimir Propp dalam Morphology of Folktales, 1968	64
Jadual 4.1	Senarai ajaran sesat yang dikenal pasti di Selangor dan dikemaskini pada 18 Julai 2012 di Portal Rasmi Fatwa Malaysia	94
Jadual 4.2	Senarai ajaran sesat yang dikenal pasti dan diwartakan oleh JAKIM mengikut tarikh diwartakan.	94
Jadual 4.3	Tafsiran kafir.	98

SENARAI GAMBAR

	Muka Surat
Gambar 1.1 <i>Tsu Feh Sofiah</i> (1986) arahan Dato' Haji Rahim Razali.	9
Gambar 1.2 <i>Fenomena</i> (1990) arahan Aziz M. Osman.	9
Gambar 1.3 <i>Perempuan Melayu Terakhir</i> (1999) arahan Erma Fatima.	10
Gambar 4.1 Adrian terlangkah kitab yang dijual oleh Jantan.	86
Gambar 4.2 Jantan memarahi Adrian.	86
Gambar 4.3 Alwi dan Munah di bangsal.	100
Gambar 4.4 Alwi memarahi Tsu Feh kerana merawat anaknya.	100
Gambar 4.5 Keberanian Tsu Feh menghadapi watak-watak antagonis.	105
Gambar 4.6 Babak di tepi pantai antara Isabella dan Seri.	120
Gambar 4.7 Kumpulan ekstrimis agama bertikam lidah dengan Wak Labib.	126
Gambar 4.8 Haikal dan Mustika berbual panjang.	141
Gambar 4.9 Perbualan antara Engku Leh dengan Mustika di sebalik tirai kain yang tertulis ayat al-Quran oleh Engku Leh.	146
Gambar 4.10 Simbolik: Mustika sebagai seorang wirawati yang masih menjaga maruah dirinya.	155

SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah 3.1 Metodologi kajian.	60

WATAK WIRAWATI UNGGUL DALAM FILEM MELAYU: KAJIAN KES *TSU FEH SOFIAH* (1986), *FENOMENA* (1990), DAN *PEREMPUAN MELAYU TERAKHIR* (1999)

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bagi tujuan mengupas watak wirawati dalam konteks agama Islam dengan menggunakan tiga buah filem iaitu *Tsu Feh Sofiah* (1986), *Fenomena* (1990) dan *Perempuan Melayu Terakhir* (1999). Kaedah analisis tekstual digunakan dalam kajian ini bagi mengumpul serta mendapatkan maklumat. Kajian ini merujuk kepada al-Quran, sunah dan hadis yang memfokuskan kepada kaum wanita bagi menjawab persoalan dan objektif kajian sebagaimana yang dikumpulkan dalam analisis kajian. Selain itu, pada bahagian-bahagian tertentu, analisis ini merujuk kepada pendekatan Islam melalui pemikiran Yusuf al-Qardhawi. Hasil analisis mendapati wirawati yang berlainan keturunan dan latar belakang agama dalam filem ini berjaya meletakkan agama Islam sebagai benteng pertahanan diri yang kukuh dalam mendepani pelbagai dugaan. Kajian ini juga telah mendapati bahawa suara wanita yang dianggap lemah sebenarnya berjaya diterima dalam masyarakat kerana mereka memiliki ilmu pengetahuan yang luas dan berfikiran terbuka. Berdasarkan pemahaman tentang agama Islam, kajian ini membuktikan bahawa watak wirawati yang dikaji telah mengenali dan memahami agama Islam sebagai garis panduan dalam kehidupan sekali gus menjadikan agama Islam sebagai agama yang benar. Oleh yang demikian, wanita sememangnya mempunyai kedudukan yang tersendiri mengikut syariat Islam.

IDEAL HEROINES IN MALAY FILMS: A CASE STUDY OF *TSU FEH SOFIAH* (1986), *FENOMENA* (1990), AND *PEREMPUAN MELAYU TERAKHIR* (1999)

ABSTRACT

This study was conducted for the purpose of studying the lead female characters or heroines from the context of Islam by using three Malay films entitled *Tsu Feh Sofiah* (1986), *Fenomena* (1990) and *Perempuan Melayu Terakhir* (1999). Textual analysis method was used in this study to gather and obtain information. In answering the research questions and objectives the Quran, *hadith* and *sunnah* which was focused on women are referred. In addition, to some extent this study utilized the Islamic approach as thought by Yusuf al-Qardhawi. The analysis showed that regardless of their religious and family background, the heroines in these films have successfully inculcated the love of Islam in their hearts and used it as a strong self-defense in a variety of situations. This study examined that despite being regarded as weak, women's voice is actually powerful enough to be accepted in a society due to their high intellect and vast knowledge. Based on the understanding of the Islamic religion, the study proved that the studied heroine characters have recognised and deeply understood the religion of Islam, thus making it their way of life and firmly believing it as the true religion. Therefore, women certainly have a distinctive position in accordance with Islamic Law.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Kajian yang dilaksanakan ini adalah untuk menganalisis watak wanita melalui medium filem di Malaysia. Filem yang dikaji ialah *Tsu Feh Sofiah* (1986), *Fenomena* (1990) dan *Perempuan Melayu Terakhir* (1999). Kajian watak wanita akan dilihat dari perspektif Islam di anggap penting dalam kajian ini kerana selain memaparkan watak wanita ‘Melayu’ filem-filem Melayu yang dihasilkan sekitar 1980an dan 1990an turut memaparkan watak-watak wanita yang dibentuk (*construct*) berteraskan watak wanita Islam dan berlatar belakangkan isu yang berkaitan dengan Islam. Selain itu, kewajaran kajian ini dilaksanakan kerana wanita merupakan golongan terpenting sejak mereka diciptakan. Di dalam al-Quran, misalnya tercatat:

Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) daripada diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya – Hawa), dan juga yang membiakkan dari kedua-duanya – zuriat keturunan – lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kamu.

(Surah an-Nisa': 1)

Berdasarkan ayat di atas, Hawa merupakan wanita pertama yang dijadikan Allah SWT dan permulaan hubungan Adam dan Hawa telah menitiskan zuriat sehingga hari ini. Oleh yang demikian, al-Quran telah mengiktiraf wanita dan membuktikan bahawa sesungguhnya wanita merupakan golongan yang sama penting dengan golongan lelaki. Semasa zaman Rasulullah SAW, wanita dilihat penting dalam pelbagai aspek, antaranya

sebagai pelengkap kepada kehidupan kaum Adam (lelaki). Tentang hal ini, terdapat hadis yang menyebut:

...demi Allah, aku tidak pernah mendapat pengganti yang lebih baik daripada Khadijah. Dia yang beriman kepadaku ketika semua orang ingkar. Dia yang memberiku harta pada saat semua orang enggan memberi. Dan daripadanya aku memperoleh keturunan, sesuatu yang tidak kuperoleh dari isteri-isteriku yang lain.

(Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad r.a. ini menerangkan tentang Saidatina Khadijah yang mendapat pujian daripada suaminya, Rasulullah SAW, kerana telah menjadi tulang belakang kepada baginda semasa hayatnya (Muhammad Abu Syauqi Banna, 2011a). Hal ini menunjukkan bahawa peranan wanita tidak pernah dinafikan dari dahulu sehingga kini. Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat kekuatan wanita sebagai wirawati dalam filem-filem yang mempunyai elemen-elemen Islam.

Seterusnya, merujuk artikel *The Muslim World and Cinema* (2008), terdapat 101 buah filem yang mempunyai unsur-unsur agama Islam telah dihasilkan di seluruh dunia. Antara yang disenaraikan ialah *The Message*, *Babel*, *Faith*, *New Muslim Cool* dan sebagainya. Namun, filem dari Malaysia tiada dalam senarai, padahal pada tahun 1956, filem *Semerah Padi* yang sarat dengan nilai-nilai Islam telah diterbitkan, dan pada tahun 2000 pula telah diterbitkan filem *Syukur 21*. Hal ini terbukti dalam portal perfileman Malaysia, iaitu Sinema Malaysia, yang telah menyenaraikan filem mengikut genre, dan filem-filem tersebut termasuk dalam genre keagamaan.

Di Barat, perbincangan tentang perkaitan filem dengan agama bukanlah satu perkara yang baharu. Perkara ini terbukti berdasarkan kenyataan dalam buku yang bertajuk *Film as Religion* telah menyatakan:

The majority of religion scholars writing about film, however, have not viewed film as analogous to an independent religious tradition so much as they have viewed it as part of the non religious culture with which religion engages. They have taken two main approaches, the theological and the ideological and each of these deserves brief consideration.

(Lyden, 2003)

Kenyataan di atas jelas menerangkan bahawa mereka yang menghasilkan filem dan yang menulis hal-hal berkaitan dengan agama sering tidak selaras kerana mereka mengambil dua pendekatan yang berbeza, iaitu teologi dan ideologi. Oleh yang demikian, kajian ini akan menjadi kayu ukur dalam menilai kedudukan wanita dan Islam dalam medium filem sama ada kedua-duanya boleh menjadi selaras dan mempunyai hubung kait antara satu dengan yang lain. Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat kekuatan wanita sebagai wirawati dalam filem-filem yang mempunyai elemen-elemen Islam.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini melibatkan medium filem dan watak wirawati dalam filem-filem terpilih. Filem merupakan antara medium untuk menyampaikan mesej dan dakwah kepada masyarakat sama ada secara terang-terangan atau secara sindiran. Dalam meniti arus kemodenan pada hari ini, harus wujud kesedaran bahawa Islam tidak mengehadkan umatnya untuk menggunakan medium dakwah tertentu sahaja tetapi sebenarnya membenarkan penggunaan cara berdakwah yang pelbagai. Oleh yang demikian, kajian ini akan menggunakan filem yang dijadikan sebagai medium dakwah dalam menganalisis watak wirawati yang bertunjangan agama Islam sebagai terasnya. Dalam

masa yang sama, sejarah perfileman di Malaysia harus dikaji bagi memahami pola filem Malaysia dari dahulu sehingga sekarang.

Dari segi sejarah, pelbagai kajian telah dilakukan oleh sesetengah pihak, tetapi catatan yang sah tentang sejarah filem di Tanah Melayu yang sebenar masih belum ada diperakukan. Perkara ini tidak menjadi kekangan kepada pengkaji-pengkaji filem kerana masih terdapat bukti-bukti tentang sejarah filem Melayu. Ringkasnya, filem Melayu telah wujud dalam tahun tiga puluhan, tetapi sebelum filem Melayu mula dihasilkan penduduk di Tanah Melayu menjadikan teater tradisional sebagai medium hiburan.

Memetik kata Hatta:

...the movies were only popular with urban communities, it is most unlikely that rural villages or kampung in Malaya had what he called 'picture place'. The Malays in the rural areas during the 1920s were farmers and fisherman and their only forms of entertainment were the folk or traditional theaters such as Wayang Kulit, Mak Yong, Menora and Rodat.

(Hatta Azad Khan, 1997a)

Hiburan bagi masyarakat yang tinggal di kampung tertumpu kepada Wayang Kulit, Mak Yong, Menora dan Rodat. Perkara ini berbeza untuk masyarakat yang tinggal di bandar, mereka menjadikan filem sebagai medium hiburan yang sangat popular ketika itu. Sekitar tahun 1920 hingga 1940, rakyat di Tanah Melayu juga dihiburkan dengan cerita bangsawan atau rombongan opera Melayu yang ditempatkan di bandar-bandar. Aktiviti ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan oleh orang Melayu yang menginginkan hiburan ketika itu. Perkara ini disokong oleh kenyataan Hatta:

... people in Malaya were also entertained by various bangsawan or Malay opera troupes which were either stationed in big towns or toured the country. Bangsawan was popular especially with the Malays, whereas the urban Chinese during the period patronized the Chinese opera.

(Hatta Azad Khan, 1997b)

Orang Melayu terkenal dengan cerita bangsawan, manakala kaum lain seperti Cina mempunyai hiburan tersendiri. Mereka lebih gemar menonton opera Cina yang terkenal juga ketika itu. Walaupun wujud perbezaan minat antara kaum ketika itu, Tanah Melayu masih mampu untuk meneruskan kegemilangan dalam penghasilan filem.

Seterusnya, filem Melayu pertama dihasilkan pada tahun 1933 dengan pelakon-pelakon bangsawan diambil berlakon. Merujuk kepada buku “Sejarah Filem Melayu” (Sharifah Zinjuaher, 1980) pengarah-pengarah filem dari negara India dibawa masuk ke Tanah Melayu dan mereka merupakan perintis kepada perfileman Melayu. B. S. Rajhans merupakan antara pengarah filem Melayu yang menerbitkan filem dengan syarikat Malay Film Production Ltd (MFP). Kenyataan Sharifah Zinjuaher disokong oleh Hatta:

Laila Majnun was directed by B. S. Rajhans and produced by S. M. Chisty. The production crew was formed by the Indian group brought by Rajhans and probably financed by Chisty who was said to be very interested in performing arts and who maintained a good rapport with actors involved in two popular performing arts forms of that area, bangsawan and opera, both from Malaysia and Indonesia...The directorial credit went to B. S. Rajhans, because he had some film directing experience in India.

(Hatta Azad Khan, 1997c)

B.S.Rajhans dibawa masuk ke Tanah Melayu kerana pengalaman beliau dalam bidang pengarah filem semasa di India. Oleh yang demikian, filem *Laila Majnun* yang dihasilkan juga mempunyai pengaruh adat dan budaya daripada masyarakat India. Pembikinan filem di Tanah Melayu terus berkembang dalam tahun 1937 dengan kewujudan syarikat-syarikat perfileman antaranya Runme dan Run Shaw. Usaha mereka membuahkan hasil apabila dalam tahun 1938 sehingga 1939 beberapa buah filem Melayu telah dihasilkan iaitu *Mutiara*, *Ibu Tiri* dan *Tiga Kekasih*. Filem-filem ini mendapat sambutan daripada penonton tetapi keghairahan membuat filem Melayu

terbantut apabila tercetusnya perang dunia kedua. Tentera Jepun merampas semua peralatan membuat filem dan menghasilkan filem-filem propaganda mereka. Akibat daripada peristiwa ini perkembangan filem Melayu tidak dapat diteruskan lagi.

Berbalik kepada zaman kegemilangan filem pertama yang dihasilkan oleh B.S.Rajhans iaitu *Laila Majnun*, filem ini mengisahkan percintaan antara Laila dan Majnun yang mendapat tentangan daripada ibu bapa. Jika diperhatikan, filem-filem di India sejak awal lagi mempunyai jalan cerita atau corak penyampaian cerita yang sama sahaja daripada satu filem ke satu filem yang lain seperti adanya adegan tari menari, menyanyi, bertumbuk dan sebagainya. Muzik dan lagu dalam filem *New Delhi* (1956) arahan Mohan Segal yang terkenal pada zaman tersebut menjadi ikutan dan stail bagi filem India ketika itu. Buktinya seperti berikut:

Pengaruh perfileman India amat ketara dalam filem-filem Melayu awalan kerana kebanyakan pengarah dan tenaga produksi ketika itu terdiri daripada bangsa India. Juga, persamaan dalam kebudayaan India dan Melayu menggalakkan dan memudahkan aliran ini ketika itu. Namun yang penting di sini adalah kaitan lagu-lagu popular dengan wayang gambar. Hampir kesemua lagu popular zaman sebelum tahun 1965 berasal dari dunia perfileman India mengikut aliran perfileman ketika itu yang masih belum berubah sehingga hari ini. Maka wujudlah ramai pemuzik profesional yang melibatkan diri dalam dunia perfileman memberi banyak peluang dan juga dorongan untuk kewujudan pemuzik profesional, pencipta muzik dan penulis lirik.

(Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia, 2005)

Oleh yang demikian, ciri-ciri berkenaan turut terjelma dalam filem Melayu dahulu yang tidak menekankan nilai-nilai agama Islam. Hal ini sekali gus memberikan kesan kepada industri perfileman kerana pengarah perintis kepada industri perfileman Malaysia adalah seorang yang bukan beragama Islam dan datang dari budaya yang berlainan sama sekali dengan budaya Melayu. Hal ini terbukti berdasarkan kenyataan berikut:

... sedangkan dalam filem-filem arus perdana yang dikeluarkan di negara ini sendiri imej Islam diperkecilkan. Sedarkah kita imej kumpulan Islam yang bagaimana dipaparkan dalam filem-filem berikut; *Puteri Gunung Ledang*, *Berlari ke Langit*, *Fenomena*, *Perempuan Melayu Terakhir* dan beberapa filem tempatan lain? ...

(A.Wahab Hamzah, 2005)

Kenyataan di atas mencerminkan kelemahan filem-filem Melayu yang telah diterbitkan. Islam dan Melayu yang sebenarnya tidak ditonjolkan dalam filem-filem berkenaan, malah perkara sebaliknya pula yang berlaku. Hal ini berbeza dengan negara lain seperti Iran, yang menerbitkan filem berunsurkan Islam seperti *Children of Heaven* (1997) arahan Majid Majidi. *Children of Heaven* (1997) mengisahkan Ali dan adiknya yang berkongsi kasut untuk pergi ke sekolah. Mereka hidup dalam keadaan yang susah dan banyak duit terpaksa dihabiskan untuk membeli ubat bagi merawat ibunya yang sakit. Ali dan adiknya tidak pernah berputus asa dan terus berdoa kepada Allah agar dimurahkan rezeki. Akhirnya, usaha dan doa itu diperkenankan Allah apabila kos perubatan ibu mereka dibiayai oleh majikan ayahnya dan mereka juga mendapat kasut baharu.

Melalui filem ini, unsur keislaman dipamerkan apabila mereka menyerah nasib dan percaya kepada pertolongan Allah dan pada masa yang sama masing-masing berusaha ke arah kebaikan seperti yang dituntut dalam Islam. Akan tetapi, penerbitan filem berunsurkan Islam seperti filem ini tidak berlaku di Malaysia. Perkara sebegini sering dibahaskan oleh penulis-penulis di negara kita sebagai satu medium kesedaran kepada pembikin filem. Antara yang dinyatakan adalah:

Bagi saya, setakat ini belum ada satu filem pun di Malaysia yang boleh dikategorikan sebagai sebuah filem Islam dari segi naratifnya. Kalau dokumentari berunsur Islam, memang banyak. Ini kerana Islam itu berkait rapat dengan ilmu dan menjurus kepada kebaikan yang sejati.

Bolehkah filem itu dikatakan sebuah filem Islam kalau masih ada unsur mungkar di dalamnya? Misalnya, pelakon wanita tidak menutup aurat ataupun lelaki dan wanita bukan muhrim berpegang tangan?

(Abd. Aziz Itar, 2010)

Memetik kata-kata dari artikel tulisan Abd. Aziz Itar yang dinyatakan oleh Faisal Tehrani di atas, memang belum wujud satu pun filem Islam di Malaysia. Masih tiada elemen-elemen Islam yang sepatutnya dipaparkan dalam filem. Elemen-elemen Islam masih tidak diutamakan dan kalau pun ada pihak yang cuba untuk menyelitkannya, ia tidak dititikberatkan. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengupas filem-filem yang ada hubung kait dengan elemen-elemen keislaman berpandukan teori-teori yang berkaitan dengan Islam.

Kajian ini melibatkan tiga buah filem yang bermula dari tahun 1986. Tiga buah filem yang dipilih ini dihasilkan oleh tiga pengarah yang berbeza, iaitu filem *Tsu Feh Sofiah* (1986) arahan Rahim Razali, filem *Fenomena* (1990) arahan Aziz M. Osman dan yang terakhir, filem *Perempuan Melayu Terakhir* (1986) arahan Erma Fatima. Faktor-faktor yang menyebabkan filem-filem ini dipilih akan diterangkan melalui kajian ini. Berikut merupakan sedikit pengenalan bagi ketiga-tiga filem tersebut:



Gambar 1.1 *Tsu Feh Sofiah* (1986) arahan Dato' Haji Rahim Razali.


Filem *Tsu Feh Sofiah* mengisahkan Tsu Feh, seorang doktor berbangsa Cina yang datang ke Pulau Mama untuk mencari agama Islam dan menjadikan agama Islam sebagai agama anutannya yang kekal.



Gambar 1.2 *Fenomena* (1990) arahan Aziz M. Osman.

Fenomena mengisahkan seorang gadis Eropah bernama Isabella yang berpenyakit misteri dan datang ke Terengganu meminta penawar daripada Haji Labib. Setelah sampai di Terengganu pelbagai peristiwa menimpa Isabella antaranya, beliau terpaksa

berhadapan dengan kumpulan ekstrimis agama Islam yang sering mencaci-cela beliau. Selain itu, Isabella membantu Seri dalam usaha mencari dana bagi mengubati penyakitnya dan peristiwa lain berlaku sepanjang tempoh tersebut.



Gambar 1.3 *Perempuan Melayu Terakhir* (1999) arahan Erma Fatima.

Perempuan Melayu Terakhir pula mengisahkan Haikal yang ke Terengganu untuk mencari erti Melayu dan menemui Mustika lalu jatuh hati kepadanya. Akan tetapi Mustika telah bertunang dengan Engku Leh, seorang yang taksub dengan agama Islam.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menilai pegangan watak wirawati berlainan keturunan dan latar belakang agama dalam meletakkan agama Islam sebagai benteng pertahanan dirinya dalam filem *Tsu Feh Sofiah*, *Fenomena* dan *Perempuan Melayu Terakhir*.
2. Melihat sejauh mana suara wanita yang diwakili oleh watak wirawati berlainan keturunan dan latar belakang agama dalam meletakkan agama Islam sebagai

benteng pertahanan dirinya diterima oleh watak-watak lain dalam filem *Tsu Feh Sofiah, Fenomena* dan *Perempuan Melayu Terakhir*.

3. Mengenal pasti sejauh mana agama Islam menjadi garis panduan dalam kehidupan wirawati berlainan keturunan dan latar belakang agama dalam *Tsu Feh Sofiah, Fenomena* dan *Perempuan Melayu Terakhir*.

1.4 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang akan dianalisis, iaitu:

1. Bagaimanakah watak wirawati berlainan keturunan dan latar belakang agama meletakkan agama Islam sebagai benteng pertahanan dirinya dalam filem *Tsu Feh Sofiah, Fenomena* dan *Perempuan Melayu Terakhir*?
2. Sejauh manakah suara wanita yang diwakili oleh watak wirawati berlainan keturunan dan latar belakang agama dalam meletakkan agama Islam sebagai benteng pertahanan dirinya diterima oleh watak-watak lain dalam filem *Tsu Feh Sofiah, Fenomena* dan *Perempuan Melayu Terakhir*.
3. Sejauh manakah agama Islam menjadi garis panduan dalam kehidupan wirawati berlainan keturunan dan latar belakang agama dalam filem *Tsu Feh Sofiah, Fenomena* dan *Perempuan Melayu Terakhir*?

1.5 Pernyataan Masalah

Kajian ini akan menggunakan wirawati dalam filem sebagai asas kepada hasil analisis yang dilakukan. Wirawati yang telah dibentuk oleh penulis skrip dan pengarah akan dikaji berdasarkan teori wirawati dan juga Islam sebagai pengukuh kepada teori yang dicipta oleh manusia. Persoalan tentang kepentingan kajian ini melibatkan Islam tidak

menjadi masalah kerana sesuatu yang dibentuk oleh manusia, iaitu wirawati dalam filem akan kelihatan lebih unggul dan sempurna jika disandarkan dengan Islam. Hal ini tidak boleh disangkal lagi kerana Islam adalah agama yang mencakupi pelbagai bahagian dan mulia di sisi Allah. Buktinya, *Sesungguhnya agama di sisi Allah hanyalah Islam* (Surah Ali Imran: 19).

Selain daripada itu, pemaparan wanita yang memegang kukuh Islam sebagai pegangan hidup dalam filem telah wujud sejak awal pembikinan filem di Malaysia. Terdapat beberapa buah filem seperti *Semerah Padi* (P. Ramlee, 1956) dengan watak Dara lakonan Saadiah dan filem *Syukur 21* (Mohd Aliff Najmi, 2000) yang menampilkan Aishah lakonan Eisyah sebagai wirawati dalam filem tersebut. Pengarah berjaya memaparkan imej wanita yang menjadikan Islam sebagai landasan dalam kehidupan dan wirawati yang tidak takut kepada cabaran dalam meneruskan kehidupan. Namun, filem *Syukur 21* merupakan filem terakhir di Malaysia yang memaparkan imej wanita Islam yang sebenar.

Perkara ini berbeza dengan negara jiran iaitu Indonesia kerana di negara itu pembikin filem berjaya menghasilkan filem yang mengangkat wanita sebagai wirawati dan mereka menjadikan Islam sebagai pegangan hidup utama. Antaranya ialah filem *Nada dan Dakwah* (1991) arahan Chaerul Umam dengan Ida Iasha sebagai wirawati dan *Ayat-Ayat Cinta* (2008) arahan Hanung Bramantyo dengan watak Aisha lakonan Rianti Cartwright juga sebagai wirawati yang berlandaskan Islam. Oleh yang demikian, perbandingan tersebut dapat membuktikan secara rawak bahawa filem yang memaparkan imej wanita yang berunsurkan Islam di Malaysia semakin tiada berbanding

dengan di Indonesia. Trend ini membuktikan pemaparan imej wanita yang mempunyai pegangan Islam, semakin popular di Indonesia dan berjaya mengangkat watak wanita Islam ke arah yang lebih positif dan Islamik.

Selain daripada perbandingan filem di antara Malaysia dan Indonesia, terdapat isu lain yang menjadi cetus idea bagi kajian ini. Isu yang dimaksudkan ialah babak di dalam filem *Ayat-Ayat Cinta* apabila Aisha membenarkan Maria mengahwini Fahri. Babak ini dapat dikaitkan melalui potongan surah berikut:

Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu; dan berilah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu niagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.

(Surah an-Nisa': 5)

Berdasarkan surah di atas, “kamu” bermaksud kaum lelaki manakala “mereka” membawa maksud kaum wanita. Allah SWT mengarahkan supaya kaum lelaki memberikan hak kepada kaum wanita dalam meneruskan kehidupan. Hak yang dinyatakan termasuklah belanja, pakaian, harta dan juga kata-kata yang baik kepada kaum wanita. Oleh yang demikian, kesinambungan babak selepas Fahri bernikah dengan Maria dalam filem *Ayat-Ayat Cinta* mencetuskan persoalan tentang hak-hak wanita ini sekali gus membawa kepada kajian tentang watak wirawati berlandaskan Islam melalui medium filem.

Selain itu, pernyataan masalah kedua yang mewujudkan kajian ini adalah tentang konsep feminisme dalam Islam. Islam merupakan agama yang mencakupi keseluruhan alam. Oleh sebab itu, konsep feminisme tidak wujud dalam Islam. Istilah feminisme adalah

dari Barat yang membawa maksud wanita menuntut hak sama rata dan sama taraf dengan kaum lelaki. Definisi feminisme itu sendiri membuktikan bahawa agama Islam tidak pernah menganjurkan hal sedemikian malah menolak feminisme sepenuhnya.

Namun timbul persoalan berdasarkan kenyataan berikut:

...trend feminisme yang menerima pakai sepenuhnya pendekatan sekularisme Barat dari segi kandungan dan kaedah perjuangan untuk mencapai matlamat. Golongan ini rata-ratanya terdiri daripada golongan wanita berkarier yang mendapat didikan daripada sistem pendidikan liberal Barat dan mendapat pendedahan meluas daripada sumber kajian Barat, khususnya yang membabitkan isu feminisme. Kemudiannya, dengan pengaruh gerakan kebangkitan semula Islam, idea feminisme ala-*Women Liberation* Barat telah mula mendapat sentuhan daripada idea keislaman dan sekali gus berjaya mengubah trend ala-sekularisme golongan ini kepada pendekatan dan penghuraian yang lebih bersifat keislaman.

(Rahimin Affandi & Abdullah Yusof, 2010a)

Kenyataan di atas menunjukkan feminisme Barat berjaya kerana dimonopoli oleh golongan wanita yang berpendidikan dan berkarier. Merujuk kepada ayat seterusnya, kemasukan Islam ke dalam idea feminisme adalah ala-*Women Liberation* yakni satu pergerakan politik yang ditubuhkan pada tahun 1960 dengan tujuan mempertahankan dan menegakkan kebenaran dalam feminisme. Hal inilah yang telah mewujudkan feminisme dalam Islam. Pendekatan feminisme dalam Islam yang dimaksudkan di atas meliputi pendekatan dan penghuraian yang bersifat keseluruhan untuk pemahaman semua.

Pernyataan masalah ketiga pula tercetus oleh kenyataan berikut:

Bagi golongan ini, cara dan kaedah terbaik untuk mengatasi isu ini adalah dengan mengamalkan pendekatan *backward looking*, kembali kepada zaman silam yang lebih murni sifatnya, khususnya dengan berpegang kukuh dan mengekalkan sistem fiqh silam. Dengan paradigma ala-tradisionalis ini, mereka tidak mengemukakan jalan penyelesaian secara mikro terhadap masalah dan mengambil sikap simplistik yang

mendakwa jalan penyelesaian masalah dapat dibuat dengan mudah, dengan cara merujuk kepada al-Qur'an dan as-Sunah serta kitab *turath* klasik, tanpa disertakan dengan *blueprint* yang lengkap yang lebih sesuai dengan realiti Malaysia moden.

(Rahimin Affandi & Abdullah Yusof, 2010b)

Kenyataan di atas menjadi idea bagi kajian ini apabila penulis tersebut menyatakan mereka (golongan ulama tradisional lulusan institusi pendidikan tradisional) tiada jalan penyelesaian secara mikro (terperinci) terhadap masalah kerana hanya merujuk kepada al-Quran dan sunah serta kitab *turath* klasik, tanpa disertakan dengan *blueprint* yang lengkap, yang lebih sesuai dengan realiti Malaysia moden. Selain itu, kenyataan di atas mencerminkan bahawa *blueprint* yang lengkap dan yang lebih sesuai dengan realiti Malaysia moden merupakan dokumen yang lebih penting berbanding dengan rujukan daripada al-Quran dan sunah. Berdasarkan tiga kenyataan tersebut, pengkaji melihat kajian terhadap wirawati yang telah dibentuk (*construct*) harus dikaji berlandaskan Islam kerana sesuatu yang dibentuk pasti boleh menjadi yang terbaik serta unggul dan setiap pernyataan mereka harus dibuktikan atau ditentukan sama ada pandangan tersebut disangkal atau disokong.

BAB 2

KAJIAN KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan Kajian Kesusasteraan

Bab Satu telah menyentuh serba sedikit tentang latar belakang kajian. Manakala, Bab Dua akan melibatkan kajian-kajian kesusasteraan bagi membantu hasil analisis yang akan dibincangkan dalam Bab Empat. Melalui bab ini, pengkaji akan mengumpul sebanyak mungkin maklumat daripada kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan kajian ini. Penekanan akan lebih tertumpu kepada filem yang telah dipilih dan juga isu-isu yang membawa mesej kepada hasil kajian.

Selain daripada itu, melalui bab ini juga, pengkaji akan menerangkan secara terperinci mengenai pengarah bagi setiap filem dan juga sinopsis tentang filem tersebut. Walaupun umum telah mengenali pengarah dan ada yang pernah menonton filem yang dikaji, tetapi telah menjadi tanggungjawab pengkaji untuk menerangkan dengan gaya yang ringkas dan lebih mudah difahami.

2.2 Latar Belakang Rahim Razali

Nama penuh beliau ialah Dato Haji Abdul Rahim bin Mohamed Razali. Beliau dilahirkan pada 3 Julai 1939 di Batu Gajah Perak. Pendidikan awal beliau di Sekolah Melayu Kampung Tembok, Ipoh dan di peringkat menengah beliau bersekolah di Sekolah Inggeris Anderson Ipoh (1951-1958). Setelah tamat pengajian di peringkat menengah, Rahim meneruskan pengajian di Institute of Chartered Accountants,

Melbourne (1960-1965) dan seterusnya di Chelwood College of Management, Sussex, United Kingdom (1970).

Sebagai seorang yang aktif dalam pelbagai bidang, beliau telah memegang beberapa jawatan professional antaranya, *Account Executive* di Sh Benson Advertising (1966-1968), *Public Relation Manager* di Malayan Tobacco Company (1968-1975), Pengarah Kreatif di Kompleks Budaya Negara (1975-1977), *Managing Director* di Lintas Advertising (1977-1980), *Managing Director* di Fleet Communications (1980-1983) dan Pengarah Urusan di ASA-XX Films Sdn. Bhd. (1984). Beliau juga seorang yang aktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti sukarelawan dan memegang beberapa jawatan penting. Antara jawatan beliau dalam aktiviti sukarelawan ialah Presiden untuk Malaysian Arts Theatre Group (1960), Timbalan Presiden untuk Malaysian Institute of Public Relations (1970), Presiden untuk Sportswriters Association of Malaysia (1970), Presiden untuk Persatuan Seni Bangsawan Nasional (1970) dan Presiden untuk Persatuan Seniman Malaysia (1980).

Melihat penglibatan beliau dalam bidang seni, Rahim sering bergiat aktif dalam bidang perfileman, televisyen, pentas dan pengulas serta pengacara sukan. Dalam bidang filem, beliau telah menulis dan mengarah sembilan buah filem cereka iaitu filem *Abang* pada tahun 1981 yang telah mendapat anugerah Jury Award di Asian Film Festival 1983 dan filem *Pemburu* pada tahun 1982 juga telah mendapat anugerah Jury Award di Asian Film Festival 1983. Seterusnya pada tahun 1983, beliau telah mengarahkan filem *Matinya Seorang Patriot* dan filem ini telah diangkat sebagai filem terbaik di Pesta Filem Malaysia 1984 dan diikuti dengan filem *Tsu Feh Sofiah* juga telah diangkat

sebagai filem terbaik di Pesta Filem Malaysia 1986. Kejayaan dalam bidang filem diteruskan pada tahun 1987 melalui filem *Puteri* apabila mendapat Jury Award di Pesta Filem Malaysia 1987. Kreativiti beliau dalam bidang perfileman tidak boleh disangkal lagi dengan kehadiran filem *Anak Sarawak* (1989), *Rentak Desa* (1990), *Abang 92* (1992) dan *Iman Alone* (1995) semuanya di bawah arahan Rahim sendiri.

Melihat penglibatan beliau dalam bidang televisyen pula, Rahim juga aktif dalam menulis dan mengarah puluhan drama televisyen antaranya *Hambali Seorang Jeneral* sebanyak sepuluh episod untuk Radio Televisyen Malaysia (RTM), *Anak Malaysia* sebanyak 20 episod untuk RTM, *Aku Ingin Hidup* juga 20 episod untuk RTM.

Selain daripada televisyen, Rahim banyak menulis drama-drama pentas antaranya *Muzika Kuala Lumpur Kuala Lumpur!*, *Lima Bersaudara*, *Kelas 2020*, *Hulu Melaka* dan *Malam Gelap di Bukit Damansara*. Dalam pengarahannya pula, beberapa karya popular beliau ialah *Muzika Uda dan Dara*, *Jebat...Matinya Seorang Pahlawan* dan *Jebat in English* semuanya karya Usman Awang. Manakala karya beliau sendiri ialah *Muzika Kuala Lumpur Kuala Lumpur!*, *Dendang P.Ramlee*, *Lima Bersaudara*, *Kelas 2020*, *Hulu Melaka*, *Malam Gelap di Bukit Damansara*, dan satu karya Sufiat Mukri iaitu *Muzika Keris Sang Putri*. Beliau juga aktif berlakon dalam ratusan drama bermula tahun 1967.

Selain daripada itu, Rahim juga merupakan seorang pengulas dan pengacara sukan untuk RTM dan TV3 sejak tahun 1966 lagi. Beliau telah terlibat sebagai pengulas dan pengacara sukan untuk *Olympic Games* pada tahun 1984, 1988, 1992 dan 1996, *Asian*

Games sebanyak enam kali, *Sea Games* sebanyak 15 kali dan *World Cup Football* sebanyak empat kali. Bukan setakat itu sahaja, malah Rahim terlibat dengan puluhan temasya sukan antarabangsa yang lain seperti Piala Thomas (Badminton), Piala Dunia (Hoki), Piala Davis (Tenis) dan pertandingan-pertandingan golf, kriket, olahraga, renang, gimnastik dan tinju termasuk *Heavyweight Boxing Championship of the World* di antara Muhammad Ali dan Joe Bugner di Kuala Lumpur.

Fokus yang harus diberi perhatian melalui biodata Rahim Razali adalah penglibatan beliau dalam bidang perfileman. Filem *Tsu Feh Sofiah* merupakan antara filem terawal arahan Rahim dan satu-satunya filemnya yang bertemakan Islam. Filem ini juga merupakan filem terawal yang mencetuskan kontroversi di Malaysia berkaitan dengan isu kafir mengkafir dalam kalangan orang Islam. Hal ini menjadi isu kerana dalam filem ini diketengahkan perbalahan antara orang Islam yang berbangsa Melayu yang bergaduh sesama sendiri dan menuduh saudara seagamanya kafir. Malah, mereka menidakkan hak bangsa lain untuk memeluk agama Islam.

2.3 Sinopsis filem *Tsu Feh Sofiah* (1986) arahan Rahim Razali

Filem *Tsu Feh Sofiah* berkisar tentang fenomena masyarakat pada tahun 1986. Peristiwa ini berlaku di sekitar Pulau Mama apabila Tsu Feh, lakonan Jacqueline Mitchell, seorang doktor yang berbangsa Cina datang ke pulau itu. Setelah penat bekerja, dia mengambil keputusan untuk bercuti dan mencari kebenaran tentang agama Islam di Pulau Mama. Gelaran Pulau Mama diberikan oleh Tsu Feh kerana sewaktu hayat ibunya, dia pernah melihat mamanya tercari-cari akan agama Islam, namun semuanya berakhir apabila mama Tsu Feh tidak sempat memeluk agama Islam dan meninggal dunia akibat

serangan jantung. Melalui peristiwa ini, Tsu Feh berazam untuk kembali ke Pulau Mama bagi mencari kebenaran tentang agama Islam dan berkhidmat di pulau tersebut.

Percutian Tsu Feh dilarang oleh bapanya, namun Tsu Feh nekad dengan keputusannya untuk bercuti di Pulau Mama. Bapanya mengenakan syarat, iaitu adiknya Adrian akan menemaninya ke pulau tersebut memandangkan tunang Tsu Feh tidak dapat turut serta. Kejadian pertama yang berlaku ketika Tsu Feh sampai di Pulau Mama ialah pertemuan tanpa dirancang di antara beliau dengan Cikgu Nik lakonan Rahim Razali. Pertemuan tanpa dirancang ini berlaku kerana Cikgu Nik menyelamatkan Tsu Feh daripada lemas sewaktu mandi di laut. Bermula daripada peristiwa tersebut, Tsu Feh mula mencari Cikgu Nik sekali gus cuba mengenali Pulau Mama dan penduduk di sekitar pulau tersebut. Pelbagai peristiwa berlaku antara Tsu Feh, Adrian, Cikgu Nik, Alwi, Tapa dan ramai lagi. Antaranya kejadian di pasar semasa Tsu Feh dan Adrian mencari Cikgu Nik. Peristiwa bermula apabila Adrian dengan tidak sengaja terlangkah kitab-kitab suci yang dijual oleh Jantan. Peristiwa lain pula, semasa Tsu Feh membantu merawat Alwi dan orang kampung yang bergaduh sesama sendiri kerana tidak bersependapat tentang agama Islam. Melalui peristiwa-peristiwa ini, Tsu Feh lebih bersemangat untuk memeluk agama Islam kerana beliau yakin dengan cara ini beliau akan lebih mengenali dan mempelajari agama Islam. Hakikat yang jelas dalam filem ini apabila semua peristiwa yang berlaku dikaitkan dengan agama Islam. Akhirnya, Tsu Feh berjaya menyatakan niat sucinya untuk memeluk agama Islam kepada Cikgu Nik dalam keadaan Pulau Mama sedang menghadapi isu tersebut.

Tsu Feh telah diislamkan di Pulau Mama dengan bantuan orang kampung. Cabaran Tsu Feh tidak berakhir setelah ucapan kalimah syahadah dilafazkan. Tsu Feh dikecam oleh satu pihak yang cuba memesongkan ajaran agama Islam. Junib, lakonan Eman Manan, dan konco-konconya tidak berpuas hati dengan tindakan Tsu Feh memeluk agama Islam lalu mengarahkan Tsu Feh keluar daripada Islam dan seterusnya keluar dari pulau tersebut. Mereka mendesak Tsu Feh keluar daripada agama Islam kerana mereka beranggapan bahawa Tsu Feh akan merosakkan rancangan mereka iaitu menyesatkan penduduk agama Islam di Pulau Mama sekali gus melakukan perpecahan antara umat Islam di pulau tersebut. Hal ini berbeza dengan pendirian Tsu Feh kerana beliau berpegang teguh dengan keputusannya dan akan berjuang demi agama Islam. Buktinya, demi agama Islam dan demi menyelamatkan nyawa orang yang tersayang iaitu Aisha yang merupakan anak kepada Cikgu Nik, Tsu Feh bertekad untuk terus bersama agama Islam dan merelakan setiap perkara yang terjadi. Akhirnya Tsu Feh menjadi mangsa kepada kejahatan Junib dan dia menjadi mangsa keadaan di Pulau Mama. Tidak ada sesiapa yang tahu akan lokasi Tsu Feh sehinggalah ke akhir cerita.

2.4 Latar Belakang Aziz M. Osman

Nama penuh pengarah filem *Fenomena* ialah Aziz bin Osman tetapi beliau lebih dikenali sebagai Aziz M. Osman. Aziz merupakan anak kepada M. Osman, seorang penyanyi pada tahun 1960-an dan ibunya bernama Afida Es, seorang pelakon. Dia dilahirkan di Singapura pada 2 Oktober 1962. Aziz merupakan pengarah Ace Motion Pictures Sdn. Bhd. Selain itu, Aziz merupakan seorang pelakon, pengarah, jururunding skrip dan juga penulis. Kerjaya dalam bidang seni perfileman bermula pada tahun 1976 sebagai pelakon pembantu dalam filem *Sayang Anakku Sayang* (1976) arahan Dato' Haji

Jamil Sulong dan menjadi pengarah dalam filem *Ilmu Saka* (1984) terbitan syarikat Asmah Film Production Sdn. Bhd.

Sepanjang penglibatannya dalam industri perfileman Malaysia, Aziz telah menerima pelbagai anugerah. Antaranya, pada tahun 1976 di Festival Filem Antarabangsa di Busan, Korea Selatan, beliau diiktiraf sebagai Pelakon Kanak-kanak Terbaik melalui filem *Sayang Anakku Sayang* (1976) arahan Jamil Sulong. Pada tahun 1991 melalui filem *Fenomena*, beliau berjaya merangkul anugerah Pengarah Baru Harapan di Festival Filem Malaysia dan seterusnya pada tahun 1994 juga di Festival Filem Malaysia, Aziz berjaya merangkul anugerah Pengarah Seni Terbaik dan Penyunting Terbaik melalui filem *Femina* (1994). Kejayaannya terus diraikan pada tahun 1998 apabila meraih anugerah Pengarah Terbaik dalam filem *Baginda* (1997) dalam Anugerah Skrin TV3. Dia bukan sahaja berpengalaman dalam mengarah puluhan filem, tetapi turut menjadi sebahagian krew filem sepanjang kariernya dalam industri perfileman Malaysia. Hasil bakat dan usahanya, semua hasil karyanya mendapat tempat di hati penonton.

Aziz mula mencipta nama dengan lebih gah apabila filem *Fenomena* (1990) arahnya telah mendapat lima anugerah dalam Festival Filem Malaysia ke-9 pada tahun 1991. Antara anugerah yang diterimanya ialah Jurugambar Terbaik, Pelakon Kanak-kanak Terbaik, Muzik Original Terbaik, Lagu Original Terbaik dan Penataan Bunyi Terbaik. Aziz mempunyai bakat besar dalam bidang perfileman di Malaysia dan beliau tidak pernah kekok untuk meneruskan kerjayanya sebagai penggiat filem dari dahulu sehingga kini.

2.5 Sinopsis filem *Fenomena* (1990) arahan Aziz M. Osman

Filem *Fenomena* mengisahkan perjalanan hidup Isabella lakonan Ramona Rahman yang menghadapi penyakit misteri. Isabella, anak kepada Mr. Howell lakonan Johan Abdullah dilahirkan di Malaysia semasa Mr. Howell menjadi pengurus lombong besi di Bukit Besi, Terengganu. Pada suatu malam sewaktu Isabella masih bayi, Isabella menangis tidak henti-henti hingga mendorong Wak Labib lakonan Abu Bakar Omar yang ketika itu bekerja sebagai tukang kebun, cuba membantu mengubati Isabella. Wak Labib juga merupakan seorang dukun di kampung tersebut. Hasil bantuannya dan dengan izin Allah SWT, Isabella berhenti menangis dan terus ceria seperti kanak-kanak sihat yang lain. Tahun berganti tahun dan selepas 24 tahun, Mr. Howell dan keluarganya berhijrah ke London. Isabella secara peribadi mengambil keputusan kembali ke Malaysia untuk bertemu dengan Wak Labib.

Walaupun Mr. Howell menghalang niat Isabella, namun dia tetap dengan pendiriannya. Isabella merupakan seorang pelajar sarjana di Universiti London dalam bidang Sastera Melayu. Dia amat berminat dengan bahasa, adat, dan budaya Melayu. Dia berhasrat untuk mencari kesemuanya di Malaysia dan dalam masa yang sama dia ingin mengubati penyakitnya. Penyakit yang dialami Isabella menyebabkan doktor-doktor di England membuat andaian bahawa Isabella hanya berpeluang hidup selama enam bulan sahaja lagi. Isabella tidak dapat menerima hakikat tersebut dan berpendapat bahawa Wak Labib mampu mengubati penyakitnya.

Pertemuan antara Isabella dengan Amy lakonan Amy Search secara tidak sengaja telah menemukan Isabella dengan Wak Labib. Amy telah terlanggar Isabella, lalu membawa

Isabella menumpang di rumahnya. Sewaktu berada di rumah Amy, Isabella terpandang gambar Wak Labib dan memohon bantuan Amy untuk menemukannya dengan Wak Labib. Amy bersetuju lalu mereka berangkat ke Terengganu. Akhirnya, Isabella bertemu dengan Wak Labib. Pada hari pertama pertemuan mereka, Wak Labib dapat merasakan ada sesuatu yang diperlukan oleh Isabella daripadanya. Tanpa menunggu Isabella menyatakan tujuannya, Wak Labib telah menyediakan ubat untuk merawat Isabella. Pada masa yang sama, pertemuan Isabella dengan Seri, lakonan Nur Amarina Zulkifli dan Azlan, lakonan M. Nasir telah membuka lembaran baru bagi Seri yang memerlukan rawatan di luar negara. Isabella membantu Seri dengan mengadakan konsert untuk Amy dan rakan-rakannya (Search). Akhirnya, dana perubatan untuk Seri berjaya dikumpulkan walaupun sebelumnya pelbagai halangan terpaksa dihadapi oleh Isabella.

Antara halangan yang terpaksa dihadapinya adalah berhadapan dengan perangai Azlan yang murung dan berputus asa dalam usaha untuk membantu memulihkan penyakit Seri. Selain itu, terdapat kumpulan ekstrimis agama yang cuba merosakkan konsert tersebut dan pada masa yang sama mencaci Isabella sebagai pembawa maksiat. Isabella juga berhadapan dengan penyakit misterinya sendiri. Akhirnya, segala dugaan dan halangan itu dapat ditangani oleh Isabella dengan tenang. Perubahan sikap Azlan menyejukkan hati Isabella dan dana perubatan Seri ke luar negara juga berjaya dikumpulkan. Namun, pada saat semuanya hampir selesai, Isabella diserang penyakitnya. Azlan hampir berputus asa kembali, namun Wak Labib dengan tenang cuba mengubati Isabella. Sekali lagi hasil usaha Wak Labib dan dengan izin Allah SWT, Isabella dapat diselamatkan dan perkhabaran gembira itu disambut baik oleh Seri dan Azlan.